

# RASITIN TABLET

Cloperastine hydrochloride (10mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Rasitin*
2. Bagaimana *Rasitin* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Rasitin*
4. Cara menggunakan *Rasitin*
5. Semasa menggunakan *Rasitin*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Rasitin*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Rasitin*

Ia digunakan untuk batuk yang kering.

## Bagaimana *Rasitin* berfungsi

Cloperastine adalah ubat dengan kesan mengurangkan batuk seperti ubat kodein. Ia juga mempunyai kesan antihistamina.

## Sebelum menggunakan *Rasitin*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil *Rasitin* jika ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam *Rasitin*.

### - Sebelum menggunakan *Rasitin*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda hamil atau menyusukan anak, Keselamatan penggunaan belum dipastikan lagi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain. Juga termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *Rasitin*

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: oral, 10 – 20mg (1 – 2 tablet). Kanak-kanak: 4 – 6 tahun: oral, 2.5 – 5mg. 7 – 15 tahun: oral, 5 - 10mg (½ - 1 tablet), atau seperti yang diarahkan oleh doktor. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Diambil tiga kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Rasitin*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda mengambil *Rasitin*.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi *Rasitin* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan kerja yang memerlukan kecerdasan mental kerana mungkin akan menyebabkan anda mengantuk atau pening. Elakkan minuman beralkohol.

## Kesan-kesan sampingan

*Rasitin* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi dengan segera jika mengalami kesan sampingan selepas mengambil ubat ini. Mengantuk dan kering mulut mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Rasitin*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bujur, dwicembung, berwarna putih dan berskor atas.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: cloperastine hydrochloride.  
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, polyvinylpyrrolidone dan magnesium stearate.

### - Nombor MAL

MAL19930045AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

17/08/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)160817/00216